



17-22 SEPTEMBER 2018
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE
KUALA LUMPUR, MALAYSIA
www.cepsi2018kl.org



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2018/04/29 (HQ)

PANGGILAN PALSU MINTA BAYAR BIL TNB DENGAN SEGERA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan pelanggannya agar membayar bil elektrik dalam tempoh ditetapkan, melalui saluran-saluran pembayarannya yang termasuk Kedai Tenaga, secara online atau menerusi ejen kutipan bil TNB yang sah.

“Setakat ini kami menerima 200 aduan pengguna yang menerima panggilan rakaman, meminta mereka membuat bayaran bil dengan segera bagi mengelakkan pemotongan bekalan dalam masa dua jam,” kata Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Pengguna), Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Kamaliah Abdul Kadir.

“Mereka menghubungi kami kerana ragu-ragu dengan panggilan tersebut.”

Jelas beliau, notis pemotongan adalah disekalikan dalam bil TNB. Walau bagaimanapun arahan pemotongan akan dikeluarkan semasa pemotongan dilakukan.

Kamaliah berkata pengguna yang menerima panggilan tersebut perlu mengabaikannya dan menyemak status bil menerusi aplikasi myTNB atau menghubungi talian perkhidmatan pelanggan TNB di 1-300-88-5454 untuk maklumat lanjut.

Katanya, orang ramai boleh memuat turun aplikasi myTNB daripada Appstore atau Google Play.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 April 2018, jam 5.30 petang

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 /
Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 atau E-mel ke media@tnb.com.my*